BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 11/06/12

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 November 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan Oktober 2006

Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Trend inflasi terus menurun, dengan kadar inflasi menurun ke paras 3.1% pada bulan Oktober. Berikutan itu, kadar faedah benar bagi deposit tetap bertempoh matang satu bulan atau lebih, bertukar menjadi positif pada bulan itu.

- Sentimen pelabur yang positif merangsang prestasi pasaran saham.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 11/06/12

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 November 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OKTOBER 2006

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan 7% pada bulan Oktober (September: 7.9%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 6.8%. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah meningkat masing-masing pada kadar tahunan 2.6% dan 10.6% (September: masing-masing 3.3% dan 11.4%).

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM2.4 bilion pada bulan Oktober. Tidak termasuk Cagamas, jumlah dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS lebih tinggi sebanyak RM1.9 bilion pada bulan itu.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan kekal stabil pada bulan Oktober dan November. Walau bagaimanapun, kadar FD purata benar bagi tempoh matang 1 bulan dan 3 bulan bertukar menjadi positif pada bulan Oktober berikutan inflasi yang terus menurun. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72% manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun sedikit kepada 6.56% pada akhir bulan Oktober (akhir bulan

September: 6.63%). Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada bulan itu.

Pada tempoh 1 Oktober – 27 November 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) ekoran aliran perdagangan dan pelaburan yang berterusan. Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menurun ke paras 3.1% pada bulan Oktober. Kadar inflasi bagi *makanan, dan minuman tidak beralkohol* menurun lagi kepada 3% (September: 3.1%), terutamanya disebabkan kenaikan harga yang lebih perlahan bagi *makanan di rumah dan makanan di luar rumah*. Kadar inflasi bagi *minuman beralkohol dan tembakau* sederhana berikutan luputnya kesan kenaikan duti eksais atas barangan ini pada bulan Oktober 2005. Harga *pakaian dan kasut,* dan *caj komunikasi* terus menurun berbanding dengan setahun yang lalu. Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar menjadi sederhana dengan ketara kepada 3.9% pada bulan September (Ogos: 7.3%). Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga barangan dalam kategori *bahan api galian, minyak pelincir dan barangan berkaitan* berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah pada bulan itu.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar lebih perlahan, iaitu 9.4% pada bulan Oktober (September: 11.5%), manakala wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan lebih pantas sebanyak 9.1% (September: 7.9%). Operasi luaran bersih dan tuntutan bersih terhadap Kerajaan mempunyai kesan pengembangan terhadap M3 pada bulan itu. Namun, tuntutan terhadap sektor swasta merosot kerana pemegangan PDS yang lebih kecil oleh sistem perbankan, dan pinjaman terkumpul yang lebih rendah.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh pada bulan Oktober. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) adalah pada 13.1%. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi tiga bulan kekal tidak berubah pada 5.1% pada akhir bulan Oktober 2006.

Kadar FD benar bertukar menjadi positif pada bulan Oktober

Pada tempoh 1 Oktober – 27 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu 3.48% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif terus stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan kekal stabil pada bulan Oktober dan November. Yang penting, kadar FD purata benar bank perdagangan bagi tempoh matang 1 bulan dan 3 bulan bertukar menjadi positif pada bulan Oktober memandangkan trend inflasi yang terus menurun. Dari segi kadar pinjaman, BLR purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72% pada 15 November manakala ALR bank perdagangan menurun sedikit kepada 6.56% pada bulan Oktober (September: 6.63%).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil pada bulan Oktober dan November



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil



Operasi mudah tunai BNM memberi kesan pengembangan pada bulan Oktober



ALR bank perdagangan rendah sedikit



Nisbah pembiayaan-deposit menurun lagi memandangkan pertumbuhan deposit melebihi pertumbuhan pinjaman



Kadar FD secara am, tidak berubah



Kadar FD 3 bulan benar bertukar menjadi positif pada bulan Oktober

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Oktober – 27 November 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS ekoran aliran perdagangan dan pelaburan yang berterusan. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama lain. Ringgit turut dipengaruhi perkembangan mata wang negara-negara G3. Dolar AS menyusut nilai ekoran data ekonomi AS yang lebih perlahan, yang menyebabkan pemberhentian kenaikan kadar faedah tanda aras untuk sementara waktu dijangka berterusan. Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan reminbi China (0.6%), peso Filipina (0.5%) dan rupiah Indonesia (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand (1.6%), dolar Singapura (0.8%) dan won Korea (0.1%).





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Sep 06	Okt 06	27 Nov 06	Akhir Dis 05 - 27 Nov 06	Akhir Sep 06 - 27 Nov 06
Dolar AS	3.7800	3.6845	3.6480	3.6315	4.1	1.5
Euro	4.4867	4.6821	4.6382	4.7691	-5.9	-1.8
Paun sterling	6.5226	6.9171	6.9310	7.0431	-7.4	-1.8
100 yen Jepun	3.2229	3.1279	3.1035	3.1391	2.7	-0.4
Dolar Singapura	2.2714	2.3221	2.3352	2.3415	-3.0	-0.8
100 baht Thailand	9.2049	9.8109	9.9225	9.9671	-7.6	-1.6
100 peso Filipina	7.1254	7.3477	7.3121	7.3142	-2.6	0.5
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0399	0.0400	0.0397	-3.3	0.5
100 won Korea	0.3739	0.3901	0.3863	0.3905	-4.2	-0.1
Renminbi China	0.4686	0.4660	0.4631	0.4632	1.2	0.6

Inflasi bulan Oktober menurun ke paras 3.1%

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, menurun ke paras 3.1% pada bulan Oktober. Kadar inflasi bagi *makanan, dan minuman tidak beralkohol* terus menurun kepada 3% (September: 3.1%), terutamanya disebabkan kenaikan harga yang lebih perlahan bagi *makanan di rumah dan makanan di luar rumah*. Kadar inflasi bagi *minuman beralkohol dan tembakau* sederhana berikutan luputnya kesan kenaikan duti eksais atas barangan ini pada bulan Oktober 2005. Harga *pakaian dan kasut,* dan *caj komunikasi* terus menurun berbanding setahun yang lalu.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telan diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi pada 3.1% pada bulan Oktober

Kadar kenaikan harga pengeluar sederhana pada bulan September

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana dengan ketara kepada 3.9% pada bulan September (Ogos: 7.3%). Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga barangan dalam kategori *bahan api galian, minyak pelincir dan barangan berkaitan,* berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah pada bulan itu.



Bermula Ogos 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=1000, daripada 1989=100 sebelumnya

Kadar kenaikan IHPR sederhana pada bulan September

Wang secara luas meningkat dengan lebih cepat pada bulan Oktober

Wang secara kecil atau M1 meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 9.4% (September: 11.5%), manakala wang secara luas atau M3 meningkat dengan lebih cepat pada kadar 9.1% (September: 7.9%). Pada asas bulanan, operasi luaran bersih memberi kesan pengembangan terhadap M3 berikutan peningkatan aset luar negeri bersih sistem perbankan. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga memberi kesan pengembangan terhadap wang secara luas. Tuntutan terhadap sektor swasta pula menurun disebabkan pemegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan dan pinjaman terkumpul yang lebih rendah.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Sep 06**	**Okt 06**
M3	68.0	49.7	-1.4	8.8
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-4.9	1.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	-0.2	-0.4
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*2.8*	*-0.1*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*-3.0*	*-0.3*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.3	8.6	8.0
Pengaruh lain	-29.4	-6.7	-4.9	-0.2

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit dengan sistem perbankan lebih tinggi pada bulan Oktober

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat lagi sebanyak RM13.1 bilion, atau pada kadar tahunan 12.8% pada bulan Oktober (September: RM5.6 bilion atau 10%). Peningkatan itu mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi terutamanya oleh perusahaan perniagaan, institusi kewangan, dan sebahagian kecilnya oleh orang perseorangan. Kesemua jenis deposit kecuali repo, mencatat peningkatan. Peningkatan yang terbesar dicatat oleh deposit perbankan Islam dan deposit tetap.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 06	**Ogos 06**	**Sep 06**	**Okt 06**
Kerajaan Persekutuan	1,188	-1,285	1,021	-7
Kerajaan Negeri	-321	1,391	-176	214
Badan Berkanun [1]	-1,200	-105	1,566	-990
Institusi Kewangan	-102	766	4,447	3,667
Perusahaan Perniagaan	3,719	6,477	-4,152	6,765
Individu	3,244	1,385	1,530	2,825
Lain-lain [2]	883	6	1,330	537
Jumlah	7,413	8,636	5,566	13,010

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 06	**Ogos 06**	**Sep 06**	**Okt 06**
Deposit tetap	1,910	2,763	3,435	3,371
NID	-216	5,635	4,751	2,457
Deposit permintaan	-152	1,959	-1,015	2,730
Deposit tabungan	123	200	192	635
Perjanjian beli balik (Repo)	4,056	-3,142	-4,009	-3,022
Deposit mata wang asing	109	952	-1,416	2,803
Deposit SPI	707	-65	2,699	3,601
Lain-lain	876	334	929	435
Jumlah	7,413	8,636	5,566	13,010

Pembiayaan kasar sektor swasta sederhana pada bulan Oktober, sebahagiannya disebabkan musim perayaan

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sederhana sebanyak RM41.1 bilion pada bulan Oktober (September: RM44 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7% (September: 7.9%).



Pembiayaan kasar sektor swasta sederhana pada bulan Oktober



Penunjuk pinjaman utama lebih rendah, sebahagiannya disebabkan musim perayaan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Sep	Okt	Sep	Okt
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.2	22.6	-1.3	-15.0
Kelulusan pinjaman	16.3	14.7	-13.0	-16.3
Pengeluaran pinjaman	41.3	38.6	-16.2	-20.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.5	-0.1	7.5	6.8
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	14.0	11.3	7.8	-9.8
Kelulusan pinjaman	8.2	7.9	-12.9	-1.4
Pengeluaran pinjaman	29.5	26.9	-17.1	-22.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.7	-1.7	3.3	2.6
PKS				
Permohonan pinjaman	7.0	5.9	t.b[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	3.4	4.1	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	10.8	10.6	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.1	-0.7	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	13.2	11.3	-9.4	-19.7
Kelulusan pinjaman	8.1	6.9	-13.0	-28.7
Pengeluaran pinjaman	11.8	11.8	-14.0	-15.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.8	2.0	11.4	10.6

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Pertumbuhan pinjaman terkumpul lebih rendah, mencerminkan peningkatan pinjaman jangka panjang yang lebih perlahan, khususnya pinjaman untuk pembelian kereta penumpang dan harta kediaman



Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada sektor utama

Penunjuk pinjaman utama adalah lebih rendah pada asas bulanan, meliputi sektor perniagaan dan isi rumah. Penurunan ini sebahagian kecilnya kerana musim perayaan pada bulan Oktober, yang menyebabkan bilangan hari bekerja berkurang. Dalam sektor perniagaan, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang lebih rendah mencerminkan keperluan modal kerja yang lebih rendah. Dalam sektor isi rumah pula, permohonan pinjaman lebih rendah kerana penurunan pinjaman untuk pembelian kereta penumpang dan harta kediaman.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.8% pada akhir bulan Oktober (akhir bulan September: 7.5%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah meningkat pada kadar yang rendah sedikit, iaitu masing-masing 2.6% dan 10.6% (September: masing-masing 3.3% dan 11.4%)

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih tinggi

Pada bulan Oktober, dana bersih yang lebih tinggi berjumlah RM3.3 bilion diperoleh dalam pasaran modal. Sektor awam memperoleh dana kasar berjumlah RM3 bilion melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang lebih tinggi berjumlah RM2.6 bilion diperoleh sektor awam. Dalam sektor swasta, pasaran PDS terus merupakan saluran penting untuk menggembleng dana, dengan perolehan jumlah dana kasar sebanyak RM2.4 bilion. Tidak termasuk Cagamas, dana bersih yang lebih tinggi berjumlah RM1.9 bilion diperoleh melalui pasaran PDS pada bulan itu. Dalam pasaran ekuiti, dana berjumlah RM121 juta diperoleh melalui empat terbitan tawaran awam awal.



KLCI terus meningkat

Pada bulan Oktober, Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) meningkat lebih kukuh sebanyak 2.1% dan ditutup pada 988.30 (September: 967.55). Peningkaan KLCI didorong terutamanya oleh sentimen positif yang berpunca daripada faktor dalam dan luar negeri. Sentimen pelabur disokong oleh pengumuman perolehan korporat yang menggalakkan dan jangkaan perolehan masa depan yang lebih baik, serta

disokong oleh potensi berlakunya penggabungan dan pengambilalihan. Di samping itu, minat belian pelabur asing yang kukuh, dolar AS yang lebih lemah, dan harga minyak dan logam asas yang lebih rendah juga menyumbang kepada sentimen yang positif itu.

Permodalan pasaran meningkat kepada RM769.1 bilion (sejak akhir bulan September: 3.2%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 652.7 juta unit saham (September: 464.8 juta unit saham).



Peningkatan KLCI sejajar dengan indeks serantau lain

Pada 27 November, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,068.29 (sejak akhir bulan Oktober: 8.1%). Permodalan pasaran keseluruhan adalah lebih tinggi pada RM824.6 bilion (sejak akhir bulan Oktober: 7.2%). Aktiviti urus niaga juga lebih tinggi dengan urus niaga purata harian sebanyak 1,037.6 juta unit saham.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM293.4 bilion atau bersamaan USD79.6 bilion pada 31 Oktober 2006. Rizab meningkat kepada RM294.1 bilion atau bersamaan USD79.8 bilion pada 15 November 2006. Kedudukan rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan mampan dalam keadaan NPL yang stabil

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh pada bulan Oktober dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.1% dan 10.4%. NPL bersih kekal tidak berubah pada 5.1% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan Oktober 2006.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Ogos 06**	**Sep 06**	**Okt 06**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.5	10.4	10.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.2	13.2	13.1
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	5.3	5.1	5.1
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	29,617	28,557	28,666
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan mampan…



…dalam keadaan paras NPL yang stabil

Bank Negara Malaysia
28 November 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Ogos 06		Sep 06		Okt 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.6	7.6	55.0	5.6	56.8	2.3
M1		130.7	10.2	131.6	11.5	134.7	9.4
M2		673.8	12.8	673.5	12.2	681.7	13.2
M3		709.6	8.3	708.2	7.9	717.0	9.1
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		739.0	9.7	744.6	10.0	757.6	12.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		586.5	8.6	589.0	7.5	588.9	6.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.2		76.1		74.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.2		84.7		83.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.3	-6.1	27.2	-1.3	22.6	-15.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.3	-6.4	16.3	-13.0	14.7	-16.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.3	-5.9	41.3	-16.2	38.6	-20.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.0	-0.5	37.9	-7.7	38.4	-15.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.2		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.3		5.1		5.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		291.2		293.1		293.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		79.3		79.5		79.6	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		8.1		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.56 [3.49]		3.51 [3.52]		3.51 [3.50]	
	Seminggu	3.57 [3.55]		3.57 [3.57]		3.60 [3.55]	
	1 bulan	3.68 [3.69]		3.68 [3.68]		3.63 [3.64]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.12		3.13		3.13	
	3 bulan	3.19		3.21		3.21	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.64		6.63		6.56	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		103.9	3.3	104.1	3.3	104.1	3.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		129.1	7.3	128.1	3.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6770		3.6845		3.6480	
Euro		4.7181		4.6821		4.6382	
Paun Sterling		6.9826		6.9171		6.9310	
100 Yen Jepun		3.1485		3.1279		3.1035	
Dolar Singapura		2.3379		2.3221		2.3352	
100 Baht Thailand		9.7923		9.8109		9.9225	
100 Peso Filipina		7.2204		7.3477		7.3121	
100 Rupiah Indonesia		0.0405		0.0399		0.0400	
100 Won Korea		0.3834		0.3901		0.3863	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-0.7		1.8		2.6	
	swasta	0.2		0.4		0.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		958.1		967.6		988.3	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		740.4		745.5		769.1	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

*Merujuk kepada tahun asas 2000=100